

Kesan Pembelajaran Sejarah Melalui Multiple Document-Based Lessons Terhadap Kemahiran Membuat Rasionalisasi (*The Effect of Learning History through Multiple Document-based Lessons on Rationalization Skills*)

M. Kaviza^{1*}, Nurliyana Bukhari², Fauziah Abdul Rahim³

¹ SMK Tengku Suleiman

² Pusat Pengajian Pendidikan

³ Universiti Utara Malaysia

*Pengarang Koresponden: kavizakaviza@yahoo.com

Received: 28 June 2024 | Accepted: 6 August 2024 | Published: 1 September 2024

DOI: <https://doi.org/10.55057/jdpd.2024.6.3.4>

Abstrak: Kajian eksperimen kuasi ini bertujuan untuk mengkaji kesan pembelajaran sejarah melalui Multiple Document-Based Lessons terhadap kemahiran membuat rasionalisasi. Sampel kajian ini merupakan 102 orang murid tingkatan satu yang telah ditentukan berdasarkan teknik persampelan berkelompok. Instrumen kajian ini merupakan ujian yang telah disahkan oleh pakar penilai dan mempunyai nilai ketekalan yang baik. Data kajian ini telah dianalisis secara statistik deskriptif dan inferensi iaitu Ujian SPANOVA dengan menggunakan perisian IBM SPSS. Dapatan kajian ini telah melaporkan bahawa pembelajaran sejarah melalui Multiple Document-Based Lessons adalah lebih berkesan terhadap peningkatan dan pengekalan kemahiran membuat rasionalisasi berbanding dengan pembelajaran sejarah melalui Document-Based Lessons dan pengajaran sedia ada. Implikasi kajian ini telah membuktikan bahawa pembelajaran sejarah melalui Multiple Document-Based Lessons adalah lebih berpotensi dilaksanakan dalam pendidikan sejarah selaras dengan perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi.

Kata Kunci: Pembelajaran Sejarah, Multiple Document-Based Lessons, Kemahiran Membuat Rasionalisasi

Abstract: This quasi-experimental study aims to examine the effects of learning history through Multiple Document Based Lessons on rationalization skills. The sample of this study is 102 form one students that have been determined based on cluster sampling techniques. This research instrument is a test that has been validated by expert assessors and has a good consistency value. The data of this study has been analyzed statistically descriptively and inferentially such as SPANOVA test using IBM SPSS software. the findings of this study have reported that learning history through Multiple Document Based Lessons is more effective in improving and retaining rationalization skills compared to learning history through Document based Lessons and existing lessons. The implications of this study have proven that learning history through Multiple Document based Lessons is more potentially implemented in history education in line with the development of information and communication technology.

Keywords: Learning History, Multiple Document-Based Lessons, Rationalization Skills

1. Pengenalan

Sejarah merupakan suatu disiplin ilmu pengetahuan yang mempunyai prinsip yang tersendiri untuk melihat sesuatu peristiwa masa lampau melalui dimensi kaca mata masa kini berdasarkan proses penyelidikan dengan menggunakan rekod-rekod terdahulu (Abdul Rahman Haji Abdullah, 2006; Abdul Rahman Haji Ismail, 1984; Khoo, 1992; Khoo, Mohd Fadzil & Jazamuddin Baharuddin, 1980). Sehubungan dengan itu, ilmu sejarah kini semakin diberi perhatian dalam sistem pendidikan Malaysia melalui pemartabatan mata pelajaran Sejarah sebagai mata pelajaran wajib lulus dalam peperiksaan awam iaitu Sijil Peperiksaan Malaysia (SPM) mulai tahun 2013 dan pelaksanaan semula mata pelajaran Sejarah sebagai mata pelajaran teras di sekolah rendah secara berterusan sehingga ke sekolah menengah melalui Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) mulai tahun 2014 dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) mulai tahun 2017 yang bertujuan untuk memupuk perpaduan masyarakat berbilang kaum melalui Gagasan 1 Malaysia (Abdul Razaq Ahmad & Ahmad Rafeai Ayudin, 2011; Mohd Samsudin & Shahizan Shaharuddin, 2012; Norizan Seman, 2003; Pusat Perkembangan Kurikulum [PPK], 2013, 2015; Shakila Yacob, 2010). Maka, kaedah pengajaran Sejarah mestilah memfokuskan kepada proses pemahaman terhadap ilmu sejarah yang melibatkan aspek penguasaan kandungan sejarah dan pengaplikasian strategi pemikiran aras tinggi (Abdul Razaq Ahmad, 2010; PPK, 2003, 2015; Sharifah Aini Jaafar & Arba'iyah Mohd Noor, 2016; Thangamalar Paramasivam & Nagendralingam Ratnavadivel, 2018).

Tidak dinafikan bahawa dalam kurikulum Sejarah, terdapat kerangka disiplin ilmu sejarah yang sistematik dan saling berkaitan antara satu sama lain seperti inkuiri sejarah, pengumpulan sumber, kemahiran pemikiran sejarah, penjelasan sejarah, pemahaman sejarah dan empati yang membolehkan murid-murid terdedah kepada proses pengkajian secara mendalam bagi menjelaskan sesuatu isu atau persoalan sejarah yang ditimbulkan dengan menggunakan sumber sejarah sebagai bahan bukti yang konkrit bagi menggalakkan proses pemikiran secara kritis dan analitis (Abu Bakar Nordin, 2013; Hamdan Aziz, Siti Fatimah Mohd Noor, Ruzaini Sulaiman @ Abdul Rahim, Hasnul Hadi Tengah & Siti Rahimah Hamat, 2014; Mardina Nordin, 2015; PPK, 2003, 2015, Kaviza, 2021). Berlandaskan kepada kerangka disiplin ilmu sejarah tersebut, kesepaduan antara komponen pengetahuan sejarah, kemahiran pemikiran sejarah serta kewarganegaraan dan nilai sivik dalam kurikulum Sejarah yang bertujuan untuk menjadikan proses pembelajaran Sejarah lebih dinamik dengan mendedahkan murid-murid kepada proses inkuiri yang dapat meningkatkan pemikiran kritis, analitis dan imaginatif (PPK, 2003, 2015).

2. Latar Belakang Kajian

Oleh sebab komponen kemahiran pemikiran sejarah dalam kurikulum Sejarah dapat dipertingkatkan berdasarkan analisis bukti sejarah yang konkrit dan sahih yang menjadikan murid-murid berperanan sebagai seorang ahli sejarah yang berpengalaman bagi mengemukakan sesuatu pentafsiran sejarah secara mendalam dengan membuat perbandingan, menghubungkan kait dan menilai semula sesuatu peristiwa sejarah antara konteks masa dahulu dan kini (Afterbach & VanSledright, 2001; Barton & Levistik, 2004; Culminas-Culis & Reyes, 2016; Levstik & Barton, 2011; VanSledright, 2002). Menyedari hakikat ini, pihak PPK (2003, 2015) telah menyarankan lima konstruk dalam kemahiran pemikiran sejarah yang perlu diperkembangkan dalam kalangan murid adalah seperti kemahiran memahami kronologi, kemahiran meneroka bukti, kemahiran membuat interpretasi, kemahiran membuat imaginasi dan kemahiran membuat rasionalisasi. Sehubungan dengan itu, kemahiran membuat rasionalisasi adalah melibatkan penggunaan akal dalam membuat pertimbangan yang sewajarnya dalam menyelesaikan sesuatu permasalahan dengan menggalakkan murid-murid untuk meningkatkan kemahiran membuat hipotesis, mengumpul maklumat, menentukan bukti

yang signifikan dan membuat inferens terhadap maklumat sejarah yang telah dikumpulkan (PPK, 2003; 2015). Melalui pemupukan kemahiran membuat rasionalisasi, murid-murid dapat membuat suatu keputusan terhadap permasalahan sejarah yang ditimbulkan secara rasional. Sungguhpun begitu, kemahiran membuat rasionalisasi adalah diakui sukar dijana dalam kalangan murid seperti dilaporkan dalam kajian Hartmann dan Hasselhorn (2008) dan Reisman dan Wineburg (2008) disebabkan oleh kemahiran tersebut adalah melibatkan proses pemikiran sejarah aras tinggi yang memerlukan murid-murid untuk menganalisis bahan bukti sejarah bagi membuat suatu keputusan dan pengadilan yang lebih tepat.

Hakikatnya, tidak dapat disangkal bahawa asas kepada pengkajian sejarah adalah penggunaan sumber dokumen sejarah yang dijadikan sebagai bahan bukti bertulis dalam membuat sesuatu interpretasi sejarah yang telah berlaku seperti surat khabar, surat, diari, rekod keluarga, rekod banci, dokumen rasmi, pelan bangunan, data statistik, manuskrip sejarah, ensiklopedia, buku sejarah dan sebagainya (Donnelly & Claire, 2011; Polton, 1972; Thornton, 2005) yang boleh diperolehi dalam format analog (bercetak) dan digital (elektronik) daripada portal-portal dan laman-laman web sejarah yang dibangunkan secara percuma (Alves, 2014; Brown, 2007; Chassanoff, 2013; Friedman, 2006; Fry & Ensminger, 2008; Lee, 2002; Putnam, 2016). Justeru, pembelajaran Sejarah melalui *Document-Based Lessons* kini semakin berkembang pesat sejak abad ke-19 lagi pada semua peringkat persekolahan sebagai alternatif kepada pengajaran sedia ada yang berteraskan kepada penerangan guru dan penghafalam maklumat sejarah (Dutt-Doner, Cook-Cottone & Allen, 2007; Fehn & Koeppan, 1998; Niewenhuyse, Roose, Wils, Depaepe & Verschaffel, 2017; Nokes, 2013, 2014; Rantala & Vanden Berg, 2015; Reisman, 2012a, 2012b; Swams, Hofer & Gallicchio, 2006; Kaviza, 2020). Secara ilmiahnya, *Document-Based Lessons* merupakan strategi pembelajaran Sejarah yang melibatkan proses inkuiri dan analisis kandungan sumber dokumen sejarah yang berbentuk teks dan telah pun dibuktikan dapat memberi banyak manfaat dari segi penglibatan aktif dalam aktiviti pembelajaran bersifat autentik, perbandingan antara fakta dan tafsiran sejarah, pengenalpastian unsur *bias* berdasarkan pelbagai perspektif, penyelesaian masalah berdasarkan sesuatu isu atau persoalan sejarah yang diutarakan dan menggalakkan proses penghujahan dan penaakulan secara logik dan bernas (Kaviza, 2019; Barton, 2018; Breakstone, McGrew, Smith, Ortega & Wineburg, 2018; Colby, 2008; Cowgill, 2015; Hover, Hicks & Dack, 2016; Johansson, 2017; Learned, 2018; Samuelsson & Wendell, 2016; Woyshner, 2010).

3. Pernyataan Masalah

Tidak dinafikan bahawa konstruk kemahiran membuat rasionalisasi merupakan komponen penting dalam kemahiran pemikiran sejarah yang telah ditekankan dalam kurikulum Sejarah bagi membentuk jati diri dan semangat cinta terhadap negara bagi memenuhi matlamat dan aspirasi negara (Mohd Rodzi Abdul Razak, 2009; Mohd Samsudin & Shahizan Shaharuddin, 2012; PPK, 2003; 2015). Walaupun kemahiran pemikiran sejarah merupakan kemahiran berfikir yang penting dalam kurikulum Sejarah, namun murid-murid dilaporkan masih tidak dapat menguasai kemahiran membuat rasionalisasi yang memerlukan penjelasan dan penghuraian jawapan berdasarkan fakta, huraian dan contoh yang konkrit (Ling et al, 2016; LPM, 2017, 2018; Renuka Ramakrishnan et al, 2014; Rosy Talin, 2016). Kelemahan penguasaan kemahiran membuat rasionalisasi turut dibuktikan dalam kajian-kajian lepas yang telah melaporkan bahawa kebanyakan murid hanya mampu menjawab soalan-soalan pemikiran sejarah aras rendah seperti ‘apa’, ‘bila’, ‘siapa’, dan ‘mana’ yang menyebabkan penjelasan dan penghuraian jawapan mereka adalah pendek, ringkas dan tidak dapat menentukan rentetan kesinambungan secara kronologi serta membuat pengadilan yang rasional

antara peristiwa sejarah (Atkin, 2016; Bickford & Bickford, 2015; Monte-Sano & De La Paz, 2012; Wisinger & De La Paz, 2016; Waring & Robinson, 2010).

Sungguhpun begitu, tidak dapat disangkal bahawa kemerosotan penguasaan kemahiran membuat rasionalisasi dalam kalangan murid adalah disebabkan oleh amalan kaedah pengajaran yang berpusatkan guru dan penghafalan maklumat sejarah (Cuban, 2016; Gleeson & D'Souza, 2016; Grant, Lee & Swan, 2017; Parkes & Donnelly, 2014; Van Hover & Yeager, 2004; Veuren, 1995). Hal ini telah mengehadkan proses pemahaman ilmu sejarah dan menimbulkan kebosanan belajar mata pelajaran Sejarah (Fitzgerald, 2009; Foster & Crawford, 2006; Kobrin, 1996; Ramoroka & Engelbrecht, 2015; Sharp & Ammert, 2017). Selain itu, kaedah penerangan yang diamalkan oleh guru-guru Sejarah yang bergantung kepada sumber maklumat daripada buku teks sahaja telah menimbulkan kesukaran untuk membezakan antara fakta dan tafsiran sejarah dalam kalangan murid (Barton & Levistik, 2003; Bernhard, 2017; Garske, 2017; Heller & Stancy, 2013; VanSledright, 2011). Tambahan pula, kaedah pengajaran yang berorientasikan amalan *chalk and talk* di dalam kelas juga telah menyebabkan proses pengajaran dan pembelajaran Sejarah menjadi tidak berkesan, bersifat sehalu, tidak menarik dan membosankan (Mohd Samsudin & Shahizan Shaharuddin, 2012; Sharifah Aini Jaafar & Arba'iyah Mohd Noor, 2016; Subadrah Nair & Malar Muthiah, 2005; Omardin Haji Ashaari & Yunus Muhamad, 1996).

Justeru, kaedah pengajaran yang sedia ada perlu diubah mengikut perubahan semasa sama ada pada peringkat nasional mahupun pada peringkat global bagi melengkapkan diri murid-murid dengan pelbagai maklumat sejarah yang berguna pada masa hadapan (Abdul Razaq Ahmad, 2014; Lezah @ Lejah Kiamsin & Rosy Talin, 2018; Nor Azilah Ahmad, Norunnajah Ahmat, Mohamad Zohir Zainuddin & Siti Nor Wardatulaina Mohd Yusof, 2017; Ummadevi Suppiah, 2018). Walaupun telah diakui bahawa pelaksanaan *Document based Lessons* pada semua peringkat persekolahan telah memaparkan impak positif dari aspek penjaan pemahaman sejarah (Macedo-Rouet, Braasch, Britt & Rouet, 2013; Neumann, Gilbertson & Hutton, 2014), peningkatan kemahiran literasi bacaan (Nokes, Dole & Hacker, 2007; Reisman, 2012a, 2012b; Veijola & Rantala, 2018), perubahan peranan dan minat terhadap proses pembelajaran Sejarah (Nokes, 2014; Rouet-Francois, Favart, Britt & Ferfetti, 1997), pemupukan kemahiran berfikir aras tinggi (Patterson, Lucas & Kithinji, 2012), penulisan hujah sejarah (Nokes, 2017a; Stovel, 2000; Wiley & Voss, 1999) dan peningkatan penglibatan aktif dalam proses pembelajaran (Linguist & Long, 2011; Moser, 2013). Namun begitu, berdasarkan penelitian terperinci yang dilakukan oleh pengkaji terhadap kajian-kajian lepas telah mendapati bahawa terdapat sedikit kekurangan terhadap pelaksanaan *Document based Lessons* tersebut dalam konteks pendidikan Sejarah sedia ada. Antaranya, keperluan kajian keberkesanan *Document based Lessons* terhadap kemahiran membuat rasionalisasi dan pengekalannya dalam suatu tempoh jangka masa panjang yang masih belum dikaji (Aidinopoulou & Sampson, 2017; Reisman, 2012a; Olwell & Stevens, 2015). Selain itu, keperluan kajian keberkesanan penggunaan pendekatan sumber pelbagai dalam *Document based Lessons* iaitu melalui pelaksanaan *Multiple Document-Based Lessons* yang perlu dikenal pasti disebabkan oleh pemerolehan maklumat yang terhad daripada sumber dokumen teks sahaja masih belum tentu lagi dapat meningkatkan dan mengekalkan kemahiran membuat rasionalisasi secara menyeluruh dalam kalangan murid sejar untuk mewujudkan persekitaran pembelajaran Sejarah yang lebih bermakna (Britt & Rouet, 2011; Donnelly, 2018; Merkt et al., 2017; Reisman, 2012b). Justeru, terdapat satu keperluan kepada pengkaji dalam kajian ini untuk mengkaji kesan pembelajaran Sejarah melalui *Multiple Document-Based Lessons* terhadap kemahiran membuat rasionalisasi dan pengekalannya yang belum diketahui.

4. Objektif Kajian

Objektif kajian ini ialah:

- i. Mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan yang signifikan terhadap min skor kemahiran membuat rasionalisasi bagi murid yang mengikuti *Multiple Document-Based Lessons* berbanding dengan murid yang mengikuti *Document-Based Lessons* dan murid yang mengikuti pengajaran sedia ada.
- ii. Mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan yang signifikan terhadap min skor pengekalan kemahiran membuat rasionalisasi bagi murid yang mengikuti *Multiple Document-Based Lessons* berbanding dengan murid yang mengikuti *Document-Based Lessons* dan murid yang mengikuti pengajaran sedia ada.

5. Persoalan Kajian

Persoalan kajian ini ialah:

- i. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan terhadap min skor kemahiran pemikiran sejarah murid yang mengikuti *Multiple Document-Based Lessons* berbanding dengan murid yang mengikuti *Document-Based Lessons* dan murid yang mengikuti pengajaran sedia ada?
- ii. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan terhadap min skor pengekalan kemahiran pemikiran sejarah bagi murid yang mengikuti *Multiple Document-Based Lessons* berbanding dengan murid yang mengikuti *Document-Based Lessons* dan murid yang mengikuti pengajaran sedia ada?

Hipotesis Kajian

Hipotesis nol utama (H_0) dan subhipotesis telah dibentuk bagi menjawab persoalan kajian dengan menguji kebenarannya pada aras kesignifikan ($p=0.05$). Bagi menjawab persoalan kajian pertama dan kedua, tiga hipotesis nol utama (H_{01} , H_{02} , H_{03}) yang diuji adalah seperti berikut:

- H_{01} : Tidak terdapat kesan utama kaedah pengajaran yang signifikan terhadap min skor kemahiran membuat rasionalisasi
- H_{02} : Tidak terdapat kesan utama waktu ujian yang signifikan terhadap min skor kemahiran membuat rasionalisasi.
- H_{03} : Tidak terdapat kesan interaksi yang signifikan antara waktu ujian dan kaedah pengajaran terhadap min skor kemahiran membuat rasionalisasi

Secara khususnya, subhipotesis nol (H_{03}) yang diuji adalah seperti berikut:

- H_{03a} : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara ujian pra dan ujian pasca terhadap min skor kemahiran membuat rasionalisasi bagi murid yang mengikuti pembelajaran sejarah melalui *Multiple Document-Based Lessons* berbanding dengan murid yang mengikuti pembelajaran sejarah melalui *Document-Based Lessons* dan murid yang mengikuti pengajaran sedia ada.
- H_{03b} : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara ujian pasca dan ujian pasca lanjutan terhadap min skor kemahiran membuat rasionalisasi bagi murid yang mengikuti pembelajaran sejarah melalui *Multiple Document-Based Lessons* berbanding dengan murid yang mengikuti pembelajaran sejarah melalui *Document-Based Lessons* dan murid yang mengikuti pengajaran sedia ada.

6. Metodologi Kajian

Kajian eksperimental dengan reka bentuk faktorial 3 X 3 telah digunakan dalam kajian ini untuk menentukan sama ada terdapat kesan utama dan kesan interaksi antara waktu ujian (ujian pra, ujian pasca dan ujian pasca lanjutan) dan kaedah pengajaran (kumpulan pembelajaran sejarah melalui *Multiple Document based Lessons*, kumpulan pembelajaran sejarah melalui *Document based Lessons* and kumpulan pengajaran sedia ada) terhadap peningkatan dan pengekalan penguasaan kemahiran membuat rasionalisasi (Campbell & Stanley, 1963; Cook & Campbell, 1979). Seramai 102 orang murid Tingkatan Satu yang ditentukan berdasarkan teknik persampelan berkelompok telah terlibat dalam kajian ini (Uma Sekaran & Bougie, 2013). Instrumen kajian ini merupakan ujian penguasaan kemahiran membuat rasionalisasi yang telah dibina oleh pengkaji, yang telah disahkan konstruksinya oleh pakar penilai yang berpengalaman dan mempunyai nilai kebolehpercayaan (nilai pekali koefisien *Alpha Cronbach*=0.86), nilai indeks kesukaran (antara nilai 0.36 hingga 0.71) dan nilai indeks diskriminasi (antara nilai 0.68 hingga 0.83) yang boleh diterima bagi tujuan kajian ini (Nunnally & Bernstein, 1994; Kaplan & Saccuzzo, 2009; Crocker & Algina, 2008). Data kuantitatif dalam kajian ini telah dianalisis secara statistik deskriptif dan inferensi iaitu Ujian SPANOVA telah digunakan untuk membandingkan dua jenis variabel bebas yang salah satu variabelnya terdiri daripada data pengukuran berulang dan kaedah pengajaran terhadap variabel bersandar dalam kajian ini (Field, 2013, 2016). Pelaksanaan pembelajaran sejarah melalui *Multiple Document based Lessons* dan pembelajaran sejarah melalui *Document based Lessons* adalah berdasarkan langkah-langkah dalam kaedah pembelajaran berasaskan *Document-based Lessons* yang telah dipelopori oleh Abby Reisman (Reisman 2012a, 2012b) dan kebenaran menggunakan kerangka langkah-langkah kaedah pembelajaran tersebut juga telah diperolehi daripada pelopornya secara atas talian. Modul pengajaran dan pembelajaran telah dibangunkan oleh pengkaji bagi melaksanakan intervensi kajian ini bagi topik Tamadun Awal Dunia. Murid-murid ditadbir ujian pra sebelum intervensi dimulakan bagi menentukan kesetaraan murid terlebih dahulu sebelum pengukuran dilakukan, diikuti dengan ujian pasca sejurus selepas tamatnya intervensi yang dijalankan serta ujian pasca lanjutan selepas tempoh masa sebulan tamatnya intervensi dalam kajian ini.

7. Dapatan Kajian

Bahagian ini memaparkan dapatan kajian bagi menjawab persoalan kajian ini.

Walaupun nilai ujian *Box's M* yang tidak signifikan [$F(12, 47243.87)=0.45, p=0.94$] telah menunjukkan bahawa kovarians antara kumpulan-kumpulan adalah sama (Green & Salkind, 2017; Hair et al., 2014; Pallant, 2016), namun ujian *Multivariate* bagi min skor kemahiran membuat rasionalisasi tidak dapat dijalankan dalam kajian ini. Hal ini demikian kerana dapatan ujian Kesferaan *Mauchly's W* bagi min skor kemahiran membuat rasionalisasi adalah signifikan [$\chi^2(2)=30.49, p=0.00$] yang menunjukkan bahawa andaian kesferaan (*Sphericity Assumed*) adalah tidak dipatuhi. Maka, penyelarasan nilai darjah kebebasan (*df*) perlu dilakukan dengan menggunakan nilai *Epsilon Huynh-Feldt* agar dapat mengawal ralat jenis 1 dalam kajian ini (Hair et al., 2014; Field, 2013, 2016; Ho, 2006; Stevens, 2009; Tabachnick & Fidell, 2013).

(a) Kesan utama kaedah pengajaran

Berdasarkan nilai ujian *Levene's* yang tidak signifikan bagi min skor ujian pra [$F(2, 99)=0.05, p=0.96$], min skor ujian pasca [$F(2, 99)=0.65, p=0.53$] dan min skor ujian pasca lanjutan [$F(2, 99)=0.81, p=0.45$] terhadap kemahiran membuat rasionalisasi dalam kajian ini yang

menunjukkan bahawa varians antara ketiga-tiga kaedah pengajaran tersebut adalah setara (Green & Salkind, 2017; Hair et al., 2014; Pallant, 2016), maka dapatan ujian *Univariate* pada Jadual 1 bagi kesan variabel antara subjek telah menunjukkan bahawa terdapat perbezaan min skor kemahiran membuat rasionalisasi yang signifikan antara kumpulan eksperimen pertama, kumpulan eksperimen kedua dan kumpulan kawalan [$F(2, 99)=141.69, p=0.00, \eta_p^2=0.74$] dengan kesan saiz adalah besar (Gray & Kinnear, 2012; Field, 2013).

Jadual 1: Keputusan Ujian Univariate bagi Kesan Variabel Antara Subjek bagi Min Skor Kemahiran Membuat Rasionalisasi

Kesan	Jumlah kuasa Dua	df	Min Kuasa Dua	F	p	η_p^2
Pintasan	2767.92	1	2767.92	1711.62	0.00	0.95
Kaedah pengajaran	458.27	2	229.13	141.69	0.00	0.74
Ralat	160.10	99	1.62			

Bagi menentukan pola-pola perbezaan antara pasangan kaedah pengajaran dalam kajian ini, maka dapatan ujian perbandingan pelbagai *Post Hoc Sidak* tersebut adalah disokong dengan ujian *Estimates Marginal Means* yang menunjukkan bahawa min skor kemahiran membuat rasionalisasi dalam kumpulan eksperimen pertama adalah lebih tinggi (7.70) berbanding dengan kumpulan eksperimen kedua (5.38) dan kumpulan kawalan (2.55). Justeru, H_{01} telah berjaya ditolak iaitu terdapat kesan utama kaedah pengajaran yang signifikan terhadap min skor kemahiran membuat rasionalisasi. Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa kumpulan eksperimen pertama telah menunjukkan min skor kemahiran membuat rasionalisasi yang lebih tinggi berbanding dengan kumpulan eksperimen kedua dan kumpulan kawalan dalam kajian ini.

(b) Kesan utama waktu ujian

Oleh kerana dapatan ujian Kesferaan *Mauchly's W* bagi min skor kemahiran membuat rasionalisasi adalah signifikan [$\chi^2(2)=30.49, p=0.00$] yang menunjukkan bahawa andaian kesferaan (*Sphericity Assumed*) adalah tidak dipatuhi, maka penyelarasan nilai darjah kebebasan (df) telah dilakukan dalam kajian ini dengan menggunakan nilai *Epsilon Huynh-Feldt* dan dapatan ujian tersebut pada Jadual 2 telah menunjukkan bahawa terdapat kesan utama waktu ujian yang signifikan [$F(1.63, 161.54)=174.65, p=0.00, \eta_p^2=0.64$] terhadap min skor kemahiran membuat rasionalisasi dengan kesan saiz adalah besar (Gray & Kinnear, 2012; Field, 2013).


Jadual 2: Keputusan Ujian Univariate bagi Kesan Variabel Dalam Subjek bagi Min Skor Kemahiran Membuat Rasionalisasi

Kesan		Jumlah kuasa Dua Jenis III	df	Kuasa dua min	F	p	η_p^2
Waktu	<i>Sphericity Assumed</i>	1995.46	2	997.73	174.65	0.00	0.64
	<i>Greenhouse-Geisser</i>	1995.46	1.58	1264.50	174.65	0.00	0.64
	<i>Huynh-Feldt</i>	1995.46	1.63	1222.94	174.65	0.00	0.64
	<i>Lower-bound</i>	1995.46	1.00	1995.46	174.65	0.00	0.64
Waktu*	<i>Sphericity Assumed</i>	700.38	4	175.10	30.65	0.00	0.38
	<i>Greenhouse-Geisser</i>	700.38	3.16	221.91	30.65	0.00	0.38
	<i>Huynh-Feldt</i>	700.38	3.26	214.62	30.65	0.00	0.38
	<i>Lower-bound</i>	700.38	2.00	350.19	30.65	0.00	0.38
Kaedah	<i>Sphericity Assumed</i>	1131.10	198	5.71			
	<i>Greenhouse-Geisser</i>	1131.10	156.23	7.24			
	<i>Huynh-Feldt</i>	1131.10	161.54	7.00			
	<i>Lower-bound</i>	1131.10	99.00	11.43			
Ralat	<i>Sphericity Assumed</i>	1131.10	198	5.71			
	<i>Greenhouse-Geisser</i>	1131.10	156.23	7.24			
	<i>Huynh-Feldt</i>	1131.10	161.54	7.00			
	<i>Lower-bound</i>	1131.10	99.00	11.43			

Bagi menentukan pola-pola perbezaan antara pasangan waktu ujian dalam kajian ini, maka dapatan ujian perbandingan pelbagai *Post Hoc Sidak* tersebut telah disokong dengan dapatan ujian *Estimates Marginal Means* yang menunjukkan bahawa min skor kemahiran membuat rasionalisasi dalam ujian pasca (7.07) adalah lebih tinggi berbanding dengan ujian pasca lanjutan (6.96) dan ujian pra (1.60). Justeru, H_{02} telah berjaya ditolak iaitu terdapat kesan utama waktu ujian yang signifikan terhadap min skor kemahiran membuat rasionalisasi. Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa terdapat peningkatan min skor kemahiran membuat rasionalisasi antara ujian pra dan ujian pasca serta pengekalan min skor kemahiran membuat rasionalisasi antara ujian pasca dan ujian pasca lanjutan.

(c) Kesan interaksi antara waktu ujian dan kaedah pengajaran

Berdasarkan keputusan ujian *Univariate* bagi kesan variabel dalam subjek yang menunjukkan terdapat kesan interaksi antara waktu ujian dan kaedah pengajaran yang signifikan [$F(3.26, 161.54)=30.65, p=0.00, \eta_p^2=0.38$] terhadap min skor kemahiran membuat rasionalisasi dengan kesan saiz adalah besar (Gray & Kinnear, 2012; Field, 2013) pada Jadual 2, maka H_{03} telah berjaya ditolak iaitu terdapat kesan interaksi antara waktu ujian dan kaedah pengajaran yang signifikan terhadap min skor kemahiran membuat rasionalisasi. Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa waktu ujian bukan sahaja mempengaruhi min skor kemahiran membuat rasionalisasi secara berasingan, malah interaksinya dengan kaedah pengajaran didapati turut memberi kesan kepada min skor kemahiran membuat rasionalisasi dalam kajian ini. Oleh sebab waktu ujian dan kaedah pengajaran adalah saling mempengaruhi terhadap min skor kemahiran membuat rasionalisasi dalam kajian ini, maka terdapat pasangan waktu ujian dan kaedah pengajaran yang menyumbang kepada keputusan perbezaan yang signifikan. Selain itu, dapatan ujian *Within-Subjects Contrasts* tersebut dapat disokong dalam kajian ini melalui penelitian graf plot profil yang menunjukkan bahawa terdapat perhubungan linear yang signifikan antara pasangan ujian pra dan ujian pasca serta perhubungan linear yang tidak signifikan antara pasangan ujian pasca dan ujian pasca lanjutan terhadap min skor kemahiran membuat rasionalisasi.



Rajah 1: Graf Plot Profil Min Skor Kemahiran Membuat Rasionalisasi

Berdasarkan keputusan skor kemahiran membuat rasionalisasi berdasarkan waktu ujian dan kaedah pengajaran (Waktu ujian*Kaedah pengajaran) pada Jadual 3, min skor ujian pasca kemahiran membuat rasionalisasi bagi kumpulan eksperimen pertama (10.62) adalah lebih tinggi berbanding dengan kumpulan eksperimen kedua (7.18) dan kumpulan kawalan (3.43) dalam kajian ini. Justeru, subhipotesis nol H_{03a} telah berjaya ditolak iaitu terdapat perbezaan yang signifikan antara ujian pra dan ujian pasca terhadap min skor kemahiran membuat rasionalisasi bagi murid yang mengikuti pembelajaran sejarah melalui *Multiple Document*

Based Lessons berbanding dengan murid yang mengikuti pembelajaran sejarah melalui *Document Based Lessons* dan murid yang mengikuti pengajaran sedia ada. Maka, terdapat kesan peningkatan yang lebih tinggi pada min skor kemahiran membuat rasionalisasi dalam pembelajaran sejarah melalui *Multiple Document-Based Lessons* selepas rawatan yang dijalankan dalam kajian ini. Oleh itu, pembelajaran sejarah melalui *Multiple Document Based Lessons* adalah lebih berkesan terhadap kemahiran membuat rasionalisasi berbanding dengan pembelajaran sejarah melalui *Document Based Lessons* dan pengajaran sedia ada dalam kalangan murid.

Jadual 3: Keputusan Min Skor Kemahiran Membuat Rasionalisasi Berdasarkan Waktu Ujian dan Kaedah Pengajaran (Waktu Ujian*Kaedah Pengajaran)

Kumpulan	Waktu ujian	Min	Ralat Piawai	95% selang keyakinan bagi perbezaan	
				Bawah	Atas
Eksperimen pertama	Ujian pra	1.56	0.20	1.17	1.95
	Ujian pasca	10.62	0.48	9.67	11.58
	Ujian pasca lanjutan	10.91	0.46	10.01	11.82
Eksperimen kedua	Ujian pra	1.67	0.20	1.27	2.06
	Ujian pasca	7.18	0.49	6.21	8.15
	Ujian pasca lanjutan	7.30	0.46	6.39	8.22
Kawalan	Ujian pra	1.57	0.19	1.19	1.96
	Ujian pasca	3.43	0.48	2.49	4.37
	Ujian pasca lanjutan	2.66	0.45	1.77	3.55

Selain itu, min skor ujian pasca lanjutan kemahiran membuat rasionalisasi pada Jadual 3 bagi kumpulan eksperimen pertama (10.91) adalah lebih tinggi berbanding dengan kumpulan eksperimen kedua (7.30) dan kumpulan kawalan (2.66) dalam kajian ini. Justeru, subhipotesis nol H_{03b} telah berjaya diterima iaitu tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara ujian pasca dan ujian pasca lanjutan terhadap min skor kemahiran membuat rasionalisasi bagi murid yang mengikuti pembelajaran sejarah melalui *Multiple Document Based Lessons* berbanding dengan murid yang mengikuti pembelajaran sejarah melalui *Document Based Lessons* dan murid yang mengikuti pengajaran sedia ada. Maka, terdapat kesan pengekaln jangka panjang yang lebih baik pada min skor kemahiran membuat rasionalisasi dalam pembelajaran sejarah melalui *Multiple Document-Based Lessons* walaupun selepas tempoh masa sebulan tamatnya rawatan yang dijalankan dalam kajian ini. Oleh itu, pembelajaran sejarah melalui *Multiple Document-Based Lessons* adalah lebih berkesan terhadap pengekaln kemahiran membuat rasionalisasi berbanding dengan pembelajaran sejarah melalui *Document-Based Lessons* dan pengajaran sedia ada dalam kalangan murid. Secara keseluruhannya, dapat dirumuskan bahawa pembelajaran sejarah melalui *Multiple Document-Based Lessons* adalah lebih berkesan secara signifikan terhadap peningkatan kemahiran membuat rasionalisasi dan pengekaln kemahiran membuat rasionalisasi berbanding dengan pembelajaran sejarah melalui *Document-Based Lessons* dan pengajaran sedia ada dalam kalangan murid.

8. Perbincangan Kajian

Kesan Pembelajaran Sejarah Melalui *Multiple Document-Based Lessons* Terhadap Kemahiran Membuat Rasionalisasi

Hasil dapatan kajian ini mendapati bahawa murid yang menjalani pembelajaran sejarah melalui *Multiple Document-Based Lessons* menunjukkan peningkatan yang lebih tinggi terhadap kemahiran membuat rasionalisasi berbanding dengan murid yang menjalani pembelajaran sejarah melalui *Document-Based Lessons* dan pengajaran sedia ada. Tambahan pula, murid

yang mengikuti pembelajaran sejarah melalui *Document-Based Lessons* pula menunjukkan peningkatan kemahiran membuat rasionalisasi yang lebih baik berbanding dengan murid yang mengikuti pengajaran sedia ada. Oleh itu, dapat dibuktikan bahawa pembelajaran sejarah melalui *Multiple Document-Based Lessons* adalah lebih berkesan terhadap kemahiran membuat rasionalisasi dalam kalangan murid. Secara ilmiahnya, dapatan kajian ini adalah bertepatan dengan kajian Nieuwenhuyse et al. (2017) yang telah melaporkan bahawa sebanyak 55 peratus penggunaan sumber sejarah adalah berkesan untuk meningkatkan kemahiran menaakul bagi menjana suatu kesimpulan yang bernas dalam kalangan murid sekolah menengah dan kajian Kumpulainen, Keskustalo, Zhang dan Stefanidis (2019) secara pendekatan kualitatif dengan reka bentuk longitudinal melalui kaedah pengumpulan data iaitu pemerhatian dan temubual telah membuktikan bahawa penggunaan sumber dokumen digital sejarah dapat menggalakkan proses penaakulan sejarah dan meningkatkan interaksi antara maklumat, konteks sebenar dan aras kognitif dalam kalangan murid melalui reka bentuk tugas analisis sumber teks sejarah. Selain itu, dapatan kajian ini juga adalah konsisten dengan kajian Hujigen, Boxtel, Griff & Holthuis (2017) yang telah mendapati kebolehan seramai 37 orang murid dalam membuat kontekstualisasi terhadap tindakan seseorang tokoh atau sesuatu situasi melalui aktiviti *Historical Perspective Taking* dengan menggunakan sumber sejarah adalah lebih baik apabila mereka diajar untuk melihat persekitaran masyarakat dan dunia berdasarkan konteks masa dan tempat tertentu. Justeru, dapatan kajian Hujigen et al. (2017), Kumpulainen et al. (2019) dan Nieuwenhuyse et al. (2017) tersebut telah menyokong dapatan kajian ini dengan menjelaskan bahawa penggunaan pelbagai jenis sumber sejarah dapat meningkatkan kemahiran membuat rasionalisasi yang berkesan dalam kalangan murid.

Walau bagaimanapun, kajian yang dilakukan oleh Lee (2013) pula adalah bertentangan dengan dapatan kajian ini yang telah mendapati bahawa penggunaan sumber teks yang telah diubahsuai sebagai *Explicit Reasoning Text* adalah lebih berkesan untuk meningkatkan kemahiran membuat rasionalisasi selaras dengan Model Kemahiran Pemikiran Sejarah (Wineburg, 1991a, 2001, 2010) yang telah menggabungkan strategi kemahiran meneroka bukti, kemahiran menghubungkan kait peristiwa, kemahiran mendalami bacaan dan kemahiran menyokong pendapat. Sungguhpun dapatan kajian ini didapati berbeza dengan kajian Lee (2013), namun penggunaan *Explicit Reasoning Text* tersebut didapati mempunyai persamaan dengan kombinasi antara sumber teks dengan sumber visual, video dan audio yang direka bentuk dalam kajian ini melalui *Multiple Document-Based Lessons* yang berupaya untuk meningkatkan kemahiran membuat rasionalisasi dalam kalangan murid. Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa pembelajaran sejarah melalui *Multiple Document-Based Lessons* dapat meningkatkan kemahiran membuat rasionalisasi yang lebih baik dalam kalangan murid.

Kesan Pembelajaran Sejarah Melalui *Multiple Document-Based Lessons* Terhadap Pengekalan Kemahiran Membuat Rasionalisasi

Hasil dapatan kajian ini telah mendapati bahawa murid yang menjalani pembelajaran sejarah melalui *Multiple Document-Based Lessons* menunjukkan pengekalan kemahiran membuat rasionalisasi yang lebih tinggi secara signifikan berbanding dengan murid yang menjalani pembelajaran sejarah melalui *Document-Based Lessons* dan pengajaran sedia ada. Tambahan pula, hasil dapatan kajian ini juga mendapati bahawa murid yang menjalani pembelajaran sejarah melalui *Multiple Document-Based Lessons* pula menunjukkan pengekalan kemahiran membuat rasionalisasi yang lebih baik berbanding dengan murid yang menjalani pengajaran sedia ada. Justeru, dapat dirumuskan bahawa pelaksanaan pembelajaran sejarah melalui *Multiple Document-Based Lessons* adalah berkesan untuk mengekalkan kemahiran membuat rasionalisasi yang lebih baik dalam kalangan murid. Hasil dapatan kajian ini didapati selaras dengan kajian Bertram, Wagner dan Trautwein (2017) yang mengkaji kesan pendekatan

sejarah lisan melalui penggunaan sumber teks dan sumber audio yang telah melaporkan bahawa terdapat peningkatan kebolehan membuat rasionalisasi secara berterusan dalam kalangan murid yang menggunakan sumber sejarah atas talian. Selain itu, aplikasi strategi *similarities* melalui analisis sumber sejarah didapati dapat meningkatkan penguasaan konsep dan kemahiran berfikir aras tinggi dalam kalangan 60 orang murid berprestasi rendah seperti yang dilaporkan dalam kajian Tarek dan Samer (2017) yang telah menyokong dapatan kajian ini dengan menjelaskan bahawa murid-murid dapat mengenal pasti, menilai dan menentukan ciri-ciri dan konsep-konsep sejarah yang sama yang wujud daripada analisis beberapa buah sumber sejarah.

Justeru, dapatan kajian Bertram et al. (2017) dan Tarek dan Samer (2017) tersebut telah menyokong dapatan kajian ini yang telah menjelaskan pemprosesan maklumat daripada sumber sejarah primer dan sumber sejarah sekunder membolehkan murid dapat mengukuhkan pemahaman sejarah mereka dengan menjana sesuatu idea baharu dan menyatakan justifikasi kepada penajaan idea tersebut apabila mereka berupaya untuk mengorganisasikan maklumat-maklumat yang diperolehi secara konsisten dalam struktur ingatan jangka panjang seperti yang disarankan dalam Teori Pemprosesan Maklumat (Atkinson & Shiffrin, 1968, 1971). Oleh itu, murid dapat memberikan rasional, justifikasi dan alasan yang munasabah berkaitan dengan tindakan seseorang tokoh sejarah yang berkemungkinan memberi impak positif atau impak negatif kepada sesuatu kejadian atau peristiwa sejarah dengan mengenal pasti pengajaran dan teladan yang boleh diambil sebagai langkah berhati-hati pada masa hadapan. Selain itu, dapatan dalam kajian ini juga seiring dengan kajian Boerman-Cornell (2015) yang telah melaporkan murid-murid sekolah menengah yang terlibat dengan proses menganalisis kandungan 20 buah novel sejarah dalam format grafik yang telah berjaya untuk meningkatkan dan mengukuhkan pemahaman sejarah yang lebih baik. Oleh itu, penggunaan sumber sejarah dalam bentuk analog dan digital telah membentuk suasana pembelajaran yang membolehkan murid dapat mengaplikasikan sesuatu maklumat yang diperolehi dalam konteks kehidupan dunia sebenar yang bersifat praktikal seperti yang diterangkan dalam Teori Keluwesan Kognitif (Spiro et al., 1988; Spiro & Jehng, 1990) bagi memindahkan pemerolehan sesuatu maklumat ke dalam situasi pembelajaran yang dinamik dengan merasionalkan sesuatu tindakan dalam sudut pandangan yang berlainan agar dapat memahami dan mengekalkan maklumat yang telah dikuasai dengan lebih baik.

Tambahan pula, hasil dapatan kajian ini yang mendapati murid yang menjalani pengajaran sedia ada tidak berupaya untuk mempamerkan pengekaln kemahiran membuat rasionalisasi yang lebih baik berbanding dengan murid yang menjalani pembelajaran sejarah melalui *Multiple Document-Based Lessons* dan murid yang menjalani pembelajaran sejarah melalui *Document-Based Lessons* adalah disebabkan oleh murid terikat dengan sukatan pelajaran, maklumat daripada buku teks dan struktur pentaksiran sedia ada sehingga mereka tidak dapat membina dan mengekalkan maklumat baru yang diperolehi bagi membentuk suatu penghujahan sejarah yang konkrit dengan membuat pertimbangan yang adil seperti diterangkan dalam Model Kemahiran Pemikiran Sejarah (Wineburg, 1991a, 2001, 2010) yang mengklasifikasikan kemahiran membuat rasionalisasi sebagai kemahiran yang melibatkan penggunaan akal fikiran yang memerlukan pertimbangan yang wajar dalam menyelesaikan sesuatu masalah yang dikenal pasti melalui proses membuat inferens daripada maklumat sejarah yang dikumpulkan. Oleh hal yang demikian, pelaksanaan pembelajaran sejarah melalui *Multiple Document-Based Lessons* adalah lebih berkesan terhadap pengekaln kemahiran membuat rasionalisasi yang lebih baik berbanding dengan pembelajaran sejarah melalui *Document-Based Lessons* dan pengajaran sedia ada.

9. Kesimpulan

Selaras dengan pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (KPM, 2013) yang bermatlamat penajaan standard, kuantiti dan kualiti dalam pembelajaran, murid-murid perlu dilengkapi dengan pelbagai pengetahuan dan kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif yang membolehkan mereka dapat menjawab soalan-soalan peperiksaan aras tinggi yang digubal pada peringkat nasional. Sehubungan dengan itu, konstruk kemahiran membuat rasionalisasi dalam komponen kemahiran pemikiran sejarah telah pun diterapkan ke dalam kurikulum KSSM bagi mata pelajaran Sejarah mulai tahun 2016 yang dilihat sebagai suatu langkah positif bagi melahirkan murid yang mempunyai kemahiran membuat rasionalisasi yang lebih baik. Oleh kerana pembelajaran sejarah melalui *Document-Based Lessons* merupakan salah satu langkah inovatif pada kaedah pengajaran Sejarah yang sedia ada, maka pelaksanaan pembelajaran sejarah melalui *Multiple Document-Based Lessons* dalam kajian ini didapati dapat meningkatkan kemahiran membuat rasionalisasi serta pengekalannya yang lebih baik dalam kalangan murid berbanding dengan pelaksanaan pembelajaran sejarah melalui *Document-Based Lessons* dan pengajaran sedia ada.

Rujukan

- Ahmad Razaq Ahmad & Ahmad Razaai Ayudin. (2011). History curriculum development model towards nation building of Malaysia. *Historia: Jurnal Pendidik dan Peneliti Sejarah*, 12(1), 40-52. Retrieved from: www.ejournal.upi.edu/
- Abdul Rahman Haji Abdullah. (2006). *Pengantar ilmu sejarah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Rahman Haji Ismail (1984). *Apakah sejarah menurut E.H.Carr*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Razaq Ahmad (2010). The acquisition of conceptual understanding of historical thinking in the context of multi-ethnic students in Malaysia. *Historia: Jurnal Pendidik dan Peneliti Sejarah*, 10(2), 108-119. Retrieved from: www.ejournal.upi.edu/
- Abdul Razaq Ahmad. (2014). Determination of teaching aids and methods to inculcate thinking skills in history subjects. *TAWARIKH: International Journal for Historical Studies*, 6(1), 1-12. Retrieved from: www.tawarikh-journal.com
- Abu Bakar Nordin. (2013). Kurikulum ke arah penghasilan kemahiran berfikir kritis, kreatif dan inovatif. *JUKU: Jurnal Kurikulum dan Pengajaran Asia Pasifik*, 1(3), 10-18. Retrieved from: www.juku.um.edu.my
- Afferbach, P., & VanSledright, B. (2001). Hath! Doth! What middle graders reading innovative history text. *Journal of Adolescent & Adult Literacy*, 44, 696-707.
- Aidinopoulou, V., & Sampson, D.G. (2017). An action research from implementing flipped classroom model in primary school history teaching and learning. *Journal Educational Technology & Society*, 20(1), 237-247.
- Aktin, K. (2016). A semiotic analysis on the utilization of historical thinking skills in pre-school period. *Academic Journals*, 11, 1335-1366.
- Alves, D. (2014). Introduction: digital methods and tools for historical research. *International Journal of Humanities and Arts Computing*, 8(1), 1-12.
- Atkinson, R.C., & Shiffrin, R.M (1968). Human memory: A proposed system and its control processes. In K.W. Spence & J.T. Spence (Eds.), *The Psychology of learning and motivation: Advances in research and theory*, (vol 2, pp 89-195). New York: Academic Press.
- Atkinson, R.C., & Shiffrin, R.M. (1971). The control of short term memory. *Scientific American*, 225, 82-90.

- Barton, K.C. (2018). Historical sources in the classroom: Purpose and use. *HSSE Online*, 7(2), 1-11.
- Barton, K.C., & Levistik, L.S. (2003). Why don't more history teachers engage students in interpretation? *Social Education*, 67(6), 358-358.
- Barton, K.C., & Levistik, L.S. (2004). *Teaching history for the common good*. Mahwah, NJ: Erlbaum.
- Bernhard, R. (2017). Are historical thinking skills important to history teachers? Some findings from a qualitative interview study in Austria. *International Journal of Historical learning, Teaching and Research*, 42(2), 1-11. Retrieved from: www.history.org.uk
- Bertram, C., Wagner, W., & Trautwein, U. (2017). Learning historical thinking with oral history interviews: A cluster randomized controlled intervention study of oral history interviews in history lessons. *American Educational Research Journal*, 54(3), 444-484.
- Bickford II, J.H., & Bickford, M.S. (2015). Historical thinking, reading and writing about world's newest nation, South Sudan. *Social Studies Research and Practice*, 10(2), 111- 123. Retrieved from: www.socstrp.org
- Breakstone, J., McGrew, S., Smith, M., Ortega, T., & Wineburg, S. (2018). Why we need a new approach of teaching digital literacy. *Kappan*, 99(6), 27-32. Retrieved from: www.kappan.online.org
- Britt, M.A., & Rouet, J.F. (2011). Research challenges in the use of multiple documents. *International Design Journal*, 19(1), 62-68. doi:10.1075/idj.18108br
- Brown, C.A. (2007). Using digital primary sources: A success story in collaboration. *Teacher Librarian*, 35(2), 29-33.
- Campbell, D.T., & Stanley, J.C. (1963). *Experimental and quasi-experimental designs for Research*. Chicago: Rand McNally.
- Chassanoff, A. (2013). Historians and the use of primary source materials in the digital age. *The American Archivist*, 76(2), 458-479.
- Colby, S.R. (2008). Energizing the history classroom: Historical narrative inquiry and historical empathy. *Social Studies Research and Practice*, 3(3), 60-79. Retrieved from: www.socstrp.org
- Cook, T, D., & Campbell, D.T. (1979). *Quasi-experimentation: Design and analysis issues for field settings*. Boston: Houghton Mifflin.
- Cowgill II, D.A. (2015). Primary sources in the social studies classroom: Historical inquiry with book backdrops. *Social Studies Research and Practice*, 10(1), 65-83. Retrieved from: www.socstrp.org
- Crocker, L., & Algina, J. (2008). Introduction to classical and modern test theory. USA: Cengage Learning.
- Cuban, L. (2016). *Teaching history then and now: A story of stability and change in schools*. Cambridge: Havard Education Press.
- Culminas-Colis, M.V., & Reyes, W.M. (2016). Teaching historical thinking skills through "reading like a historian" method. *The Normal Light*, 10(1), 56-77.
- Donnelly, D. (2014). Using feature films in teaching historical understanding: research and practice. *AGORA*, 4-12.
- Donnelly, M., & Claire, N. (2011). *Doing History*. United State America: Routledge
- Field, A. (2013). *Discovering statistics using IBM SPSS statistics*. (4th ed.). Los Angeles: Sage Publication Inc.
- Field, A. (2016). *An adventure in statistics: The reality enigma*. London: Sage Publications Ltd.
- Fitzgerald, J.C. (2009). Textbooks and primary source analysis. *Social Studies Research and Practice*, 4(8), 37-43. Retrieved from: www.socstrp.org

- Foster, S., & Crawford, K. (2006). *What shall we tell the children? International perspectives on school history textbooks*. Greenwich: Information Age.
- Friedman, A.M. (2006). World history teacher's use of digital primary sources: The effect of training. *Theory & Research in Social Education*, 34(1), 124-141.
- Fry, M.L., & Ensminger, D.C. (2008). Integration of digital primary sources, 441- 448.
- Garske, L.F. (2017). Challenging substantive knowledge in educational media: A case study of German history textbooks. *Journal of Educational Media, Memory and Society*, 9(2), 110-128. doi:10.3167/jemms.2017.090206.
- Gleeson, A.M., D'Souza, L.A. (2016). Reframing a social studies methods course: Preparing elementary teacher candidates for the common core. *The Social Studies*, 107(5), 165-170. doi:10.1080/00377996.2016.1192094
- Grant, S.G., Lee, J., & Swan, K. (2017). *Teaching social studies: A methods book for methods teachers*. United States of America: Library of Congress Cataloging in Publication Data
- Gray, C.D., & Kinnear, P.R. (2012). *IBM SPSS statistics 19 made simple*. London: Psychology Press.
- Green, S.B., & Salkind, N.J. (2017). *Using SPSS for windows and macintosh: Analyzing and understanding data*. (8th ed.). New York: Pearson.
- Hair, J.F., Black, W.C., Babin, B.J., & Anderson, R.E. (2014). *Multivariate data analysis*. (7th ed.). Upper Saddle River: Pearson Education.
- Hamdan Aziz, Siti Fatimah Mohd Noor, Ruzaini Sulaiman @ Abdul Rahim, Hasnul Hadi Tengah & Siti Rahimah Hamat. (2014). *Metodologi sejarah*. Kuala Lumpur: Freemind Horizons Sdn Bhd.
- Hartmann, U., & Hasselhorn, M. (2008). Historical perspective taking: A standardized measure for an aspect of student's historical thinking. *Learning and Individual Differences*, 18, 264-276. doi:10.1016/j.linolif.2007.10.002
- Heller, S., & Stacy, J. (2013). Building reading, writing and analysis in the AP US history classroom. *Social Education*, 77(5), 256-259.
- Ho, R. (2006). *Handbook of univariate and multivariate data analysis and interpretation with SPSS*. London: Chapman & Hall.
- Hover, S.V., Hicks, D., & Dack, H. (2016). From source to evidence? Teachers' use of historical sources in their classrooms. *The Social studies*, 107(6), 209 -217. doi:10.1080/00377996.2015.1214903
- Huijgen, T., Boxtel, C.V., Griff, W.V., & Holthuis, P. (2017). Towards historical perspective taking: Students' reasoning when contextualizing the actions of people in the past. *Theory & Research in Social Education*, 45, 110-144. doi:10.1080/00933104.2016.1208597
- Johansson, P. (2017). Learning study as a clinical research practice to generate knowledge about the learning of historical primary source analysis. *Educational Action Research*, 25(1), 167-181. doi:10.1080/09650792.2016.1270224
- Kaplan, R.M., & Saccuzzo, D.P. (2009). *Psychological testing: Principles, applications and issues* (7th ed.). Australia: Wadsworth Cengage Learning.
- Kaviza, M. (2019). Kesan Kaedah *Document Based Lessons* Terhadap Penaakulan Sejarah dalam Kalangan Murid Berbeza Tahap Pemikiran Kritis. *JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 7(2), 1-9
- Kaviza, M. (2020). Penggunaan Sumber Dokumen Teks dalam Subjek Sejarah: Satu Sorotan Kajian. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(10), 200 - 206.

- Kaviza, M. (2021). Penerapan Kemahiran Pemikiran Sejarah Dalam Pendidikan Sejarah: Satu Sorotan Kajian. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(11), 490 - 500.
- Khoo Kay Kim, Mohd Fadzil, & Jazamuddin Baharuddin. (1980). *Pendidikan di Malaysia: Dahulu dan sekarang*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.
- Khoo Kay Kim. (1992). *Perkembangan pendidikan sejarah: Sejarah dalam pendidikan persatuan sejarah Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kobrin, D. (1996). *Beyond the textbook: Teaching history using documents and primary sources*. Portsmouth, New Hampshire: Heinemann.
- Kumpulainen, S., Keskustalo, H., Zhang, B., & Stefanidis, K. (2019). Historical reasoning in authentic research tasks: Mapping cognitive and documents spaces. *Journal of the Association for Information Science and Technology*, 1-12. doi: 10.1002/asi.24216
- Learned, J.E. (2018). Doing history: A study of disciplinary literacy and readers labeled as struggling. *Journal of Literacy Research*, 50(2), 190-216. doi:10.1177/11086296x17746446
- Lee, J.K. (2002). Digital history in the history/social studies classrooms. *The History Teacher*, 35(4), 5-8.
- Lee, M. (2013). Promoting historical thinking using the explicit reasoning text. *The Journal of Social Studies Research*, 37(1), 33-45. doi:10.1016/j.jssr.2012.12.003
- Lembaga Peperiksaan Malaysia. (2017). *Laporan analisis keputusan Peperiksaan SPM tahun 2005 hingga tahun 2016*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Lembaga Peperiksaan Malaysia. (2018). *Laporan analisis keputusan peperiksaan SPM tahun 2017*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Levistik, L. S., & Barton, K. C. (2011). *Doing history: Investigating with children in elementary and middle schools*. London: Routledge.
- Lezah @ Lejah Kiamsin & Rosy Talin. (2018). Kaedah pengajaran sejarah yang diminati pelajar dan justifikasinya. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 3(2), 137-145. Retrieved from: <https://m.socialsciences.com>
- Ling W, A., Mona Masood, & Siti Hawa Abdullah. (2016). Analyzing the relationship of sequential and global learning styles on students historical thinking and understanding: A case study on form four secondary schools students in Malaysia. *International Journal of Assessment and Evaluation in Education*, 6, 50-58. Retrieved from: <https://ejournal.upsi.edu.my/>
- Linguist, T., & Long, H. (2011). How can educational technology facilitate student engagement with online primary sources?: A user needs assessment. *Library Hi Tech*, 29(2), 224-241.
- Macedo-Rouet, M., Braasch, J.L.G., Britt, M.A & Rouet, J.F. (2013). Teaching fourth and fifth graders to evaluate information sources during text comprehension. *Cognition and Instruction*, 31(2), 204-226. doi:10.1080/07370008.2013.769995
- Mardiana Nordin, (2015, Mei). Penyelidikan Sejarah, Sumber-sumber Sejarah dan Bidang-bidang di dalam Kajian Sejarah. Kertas kerja yang dibentangkan di Seminar Kaedah dan Penulisan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Retrieved from: <https://www.um.edu.my/docs/librariesprovider4/>
- Merkt, M., Werner, M., & Wagner, W. (2017). Historical thinking skills and mastery of multiple documents tasks. *Learning and Individual Differences*, 54, 135-146. doi:10.1016/j.lindif.2017.01.021
- Mohd Rodzi Abdul Razak. (2009). Pembinaan negara bangsa Malaysia: Peranan pendidikan sejarah dan dasar pendidikan kebangsaan. *JEBAT: Malaysian Journal of History, Politics & Strategy*, 36, 90-106. Retrieved from: www.e-journal.uk.my/jebat/

- Mohd Samsudin & Shahizan Shaharuddin. (2012). Pendidikan dan pengajaran mata pelajaran sejarah di sekolah di Malaysia. *JEBAT: Malaysian Journal of History, Politics & Strategy*, 39(2), 116-141. Retrieved from: www.e-journal.uk.my/jebat/
- Monte-Sano, C., & De La Paz, S. (2012). Using writing task to elicit adolescent historical reasoning. *Journal of Literacy Research*, 44(3), 273-299.
- Moser, D. (2013). Effects of student engagement with the use of digital primary sources in a high school social studies classroom. Retrieved from: <http://moserworldoflearning.weebly.com>
- Neumann, D., Gilbertson, N., & Hutton, L. (2014). Context: The foundation of close reading of primary source texts. *Social Studies Research and Practice*, 9(2), 68-76. Retrieved from: www.socstrp.org
- Nieuwenhuyse, K.V., Roose, H., Wils, K., Depaepe, F., Verschaffel, L. (2017). Reasoning with and /or about sources? The use of primary sources in Flemish secondary school history education. *Journal of Historical consciousness, historical cultures and history education*, 4(2), 48-70. Retrieved from: <http://hei.hermes.history.net>
- Nokes, J.D. (2014). Elementary students' roles and epistemic stances during document based history lessons. *Theory & Research in Social Education*, 42, 375-413. doi:10.1080/00933104.2014.937546
- Nokes, J.D. (2017a). Exploring patterns of historical thinking through eight-grade students' argumentative writing. *Journal of Writing Research*, 8(3), 437-467. doi: 10.17239/jowr-2017.08.03.02
- Nokes, J.D., Dole, J.A., & Hacker, D.J. (2007). Teaching high school students to use heuristics while reading historical texts. *Journal of Educational Psychology*, 1-14. doi:10.1037/0022-0663.000
- Nor Azilah Ahmad, Norunnajah Ahmat, Mohamad Zohir Zainudin & Siti Nor Wardatulaina Mohd Yusof. (2017, Oktober). *Pembaharuan Teknik Pengajaran dan Pembelajaran Subjek Sejarah dan Tamadun Melalui Aplikasi Teknologi Kreatif Keperluan Masa Hadapan*. Kertas kerja yang dibentang di International Conference of Empowering Islamic Civilization, Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu. Retrieved from: <http://www.inspire.unisza.edu.my>
- Norizan Seman. (2003). *Perkembangan pendidikan sejarah di Semenanjung Malaysia (1984 hingga 2002)*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya
- Nunnally, J.C., & Bernstein, I.H. (1994). *Psychometric theory* (3rd ed.). New York: McGraw Hill.
- Olwell, R., & Stevens, A. (2015). "I had to double my thoughts": How to reacting to past methodology impacts first year college student engagement, retention, and historical thinking. *The History Teacher*, 48(3), 561- 572.
- Omardin Haji Ashaari & Yunus Muhamad. (1996). *Kaedah pengajaran sejarah*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Pallant, J. (2016). *SPSS survival manual: A step by step guide to data analysis using IBM SPSS* (6th Ed). New York: McGraw Hill Education.
- Parkes, R.J., & Donnelly, D. (2014). Changing conceptions of historical thinking in history education: An Australian case study. *Revista Tempo e Argumento Florianopolis*, 6(11), 113-136. doi:10.5965/2175180306112014113
- Patterson, N.C., Lucas, A.G., & Kithinji, M. (2012). Higher order thinking in social studies: An analysis of primary source document use. *Social Studies Research and Practice*, 7(2), 68-85. Retrieved from: www.socstrp.org
- Poulton, H. (1972). *The historian's handbook*. Norman, Oklahoma: University of Oklahoma Press.

- Pusat Perkembangan Kurikulum. (2013). *Dokumen standard kurikulum dan pentaksiran sejarah tahun empat*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Pusat Perkembangan Kurikulum. (2015). *Dokumen standard kurikulum dan pentaksiran mata*
- Putnam, L. (2016). The transnational and the text-searchable: Digitized sources and the shadows the cast. *The American Historical Review*, 121(2), 377-402. doi: 10.1093/ahr/121.2.377
- Ramoroka, D., & Engelbrecht, A. (2015). *The role of history textbooks in promoting historical thinking in South African classrooms*. *Yesterday & Today*, 14, 99-124. doi:10.17159/2223-0386/201514a5
- Reisman, A. (2012a). Reading like a historian: A document based history curriculum intervention in urban high schools. *Cognition and Instruction*, 30(1), 86-112. doi:10.1080/07370008.2011.634081
- Reisman, A. (2012b). The “document-based lesson”: Bringing disciplinary inquiry into high school history classrooms with adolescent struggling readers. *Journal of Curriculum Studies*, 44(2), 233-264. doi:10.1080/00220272.2011.591436
- Reisman, A., & Wineburg, S. (2008). Teaching the skills of contextualizing in history. *The Social Studies*, 202- 207.
- Renuka Ramakrishnan, Norizan Esa & Siti Hawa Abdullah. (2014, Ogos). Kesan Penggunaan Sumber Sejarah Digital Terhadap Kemahiran Pemikiran Sejarah. Kertas kerja yang dibentangkan di 23rd International Conference of Historians of Asia 2014 (IAHA 2014), Kedah, Malaysia.
- Rosy Talin. (2016). Why historical thinking skills was not there? *International Journal of Learning, Teaching and Educational Research*, 15(3), 134-142. Retrieved from: www.ijlter.org
- Rouet-Francois, J., Favart, M., Britt, M.A., Perfetti, C.A. (1997). Studying and using multiple documents in history: Effects of discipline expertise. *Cognition and Instruction*, 15(1), 85-106. doi:10.1207/s1532690xc/501.3
- Samuelsson, J., & Wendell, J. (2016). Historical thinking about sources in the context of a standards-based curriculum: A Swedish case. *The Curriculum Journal*, 27(4), 479-499. doi:10.1080/09585176.2016.1195275
- Shakila Yakob. (2010, Oktober, 19). Ilmu sejarah membina negara. *Utusan Malaysia*. Retrieved from: <http://ww1.utusan.com.my/utusan/info>.
- Sharifah Aini Jaafar & Arba'iyah Mohd Noor. (2016). Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran sejarah di sekolah-sekolah di Malaysia, 1957-1989. *Sejarah*, 25(2), 40-57.
- Sharp, H., & Ammert, N. (2017). Primary Sources in Swedish and Australian history textbooks: A comparative analysis of representations of Vietnam's Kim Phuc. *International Journal of Historical Learning, Teaching and Research*, 4(2), 1-14. Retrieved from: www.history.org.uk
- Spiro, R., Coulson, R.L., Feltovisch, P.J., & Anderson, D.C. (1988, Ogos). Cognitive flexibility theory: Advanced knowledge acquisition in ill-structured domains. Kertas kerja yang dibentangkan di 10th Annual Conference of the Cognitive Science, & Society, Montreal, New Jersey.
- Spiro, R.J., & Jehng, J.C. (1990). Cognitive flexibility and hypertext: Theory and technology for nonlinear and multidimensional traversal of complex subject matter. In D. Nix & R. J. Spiro (Eds.), *Cognition, education and multimedia: exploring ideas in high technology* (pp. 163-205). Hillsdale: Lawrence Erlbaum Associates.
- Stevens, J.P. (2009). *Applied multivariate statistics for the social sciences*. New York: Routledge

- Stovel, J.E. (2000). Document Analysis as a tool to strengthen student writing. *The History Teacher*, 33(4), 501-509. doi:10.1086/00220272.2014.968212
- Subadrah Nair & Malar Muthiah. (2005). Penggunaan Model Konstruktivisme Lima Fasa Needham dalam Pembelajaran Sejarah. *Jurnal Pendidik dan Pendidikan*, 20, 21-41.
- Tabachnick, B.G., & Fidell, L.S. (2013). *Using multivariate statistics* (6th ed.). Boston: Pearson.
- Tarek, H, K & Samer, I. H. (2017). The impact of using the strategy of similarities in the acquisition of concepts and development of the skills of the history of second-grade student's average. *Journal of Tikrit University of Humanities*, 24(8), 102-119. Retrieved from: <http://www.jtuh.com>
- Thangamalar Paramasivam & Nagendralingam Ratnavadivel. (2018). Issues and challenges in managing curriculum change in primary schools: A case study of managing year four history curriculum in the district of Kuala Selangor, Malaysia. *Journal of Research, Policy & Practice of Teachers & Teacher Education*, 8(1), 18-31. Retrieved from: <https://ejournal.upsi.edu.my>
- Thornton, S.J. (2005). *Teaching social studies that matters*. New York: Teachers College Press.
- Uma Sekaran & Bougie, R. (2013). *Research methods for bussiness: A skills-building approach* (6th ed.). United Kingdom: John Wiley & Sons Ltd.
- Ummadevi Suppiah (2018). Integrated Strategy as Best Practices: Teaching and Learning History. In Halimah Mohd Said, Asma Abdullah, Kalaivani Nadarajah & Sivachandralingam Sundara Raja (Eds.), *History for National Building* (pp.122-132). Kuala Lumpur: PCORE.
- Van Hover, S.D., & Yeager, E.A. (2004). Challenges facing beginning history teachers: An exploratory study. *International Journal of Social Studies*, 19, 18-26.
- VanSledright, B. (2002). *In search of America's past: Learning to read history in elementary school*. New York: Teachers College Press.
- VanSledright, B. (2011). *The challenge of rethinking history education on practices: Theory and policy*. New York: Routledge.
- [Veijola, A., & Rantala, J. \(2018\). Assessing Finnish and Californian high school student historical literacy through a document based task. *Nordidactica: Journal of Humanities and Social sciences Education*, 1, 1-21.](#)
- Veuren, P.V. (1995). Does it make sense to teach history through thinking skills? *Koers*, 60(1), 29-39.
- Waring, S.M. & Robinson, K.S. (2010). Developing critical and historical thinking skills in middle grades social studies. *Middle School Journal*, 22-28. doi:10.1080/00940771.2010.11461747
- Wiley, J., & Voss, J.F. (1999). Constructing arguments from multiple sources: Tasks that promote understanding and not just memory for text. *Journal of Educational Psychology*, 91(2), 301-311.
- Wineburg, S. (1991a). Historical problem solving: A study of the cognitive processes used in the evaluation of documentary and pictorial evidence. *Journal of Educational Psychology*, 83, 73-87.
- Wineburg, S. (2001). *Historical thinking and other unnatural acts: Charting the future of teaching the past*. Philadelphia: Temple University Press.
- Wineburg, S. (2010). Historical thinking and other unnatural acts. *Kappan Classic*, 92(4), 81-94. Retrieved from: www.kappanmagnize.org
- Wissinger, D.R., & De La Paz. (2016). Effects of critical discussions on middle school students' written historical arguments. *Journal of Educational Psychology*, 108(1), 43-59.

Woyshner, C. (2010). Inquiry teaching with primary source documents: An iterative approach. *Social Studies Research and Practice*, 5(3), 36-45. Retrieved from: www.socstrp.org